

# Bazaria FPP 4.0 pupuk sikap keusahawanan dalam diri anak muda UMS

40 19/12/19 15

**KOTA KINABALU:**

Bazaria Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) 4.0 berjaya dilaksanakan oleh Persatuan Mahasiswa Psikologi dan Pendidikan (PERMAPS) pada 9 Disember hingga 12 Disember yang lalu.

Bazaria FPP merupakan program yang dijalankan oleh PERMAPS setiap tahun bagi menggalakkan pelajar-pelajar FPP khususnya untuk berniaga dan menjana pendapatan kelab masing-masing.

Tahun ini, PERMAPS menjayakan program selama empat hari di kawasan parkir FPP. Sebanyak 25 tapak gerai dibuka dan tujuh daripadanya adalah gerai-gerai pelajar.

Program ini diteruskan setiap tahun sebagai legasi PERMAPS bagi memberi peluang kepada kelab-kelab untuk menjana pendapatan kelab masing-masing.

Bazaria FPP yang sebelum ini dinamakan sebagai Karnival Mega FPP menjadi satu peluang yang baik kepada fakulti sendiri bagi mempromosikan fakulti kepada pihak luar.

Selain daripada itu, aktiviti-aktiviti seperti lumbakan (Mukja), pemeriksaan kesihatan dari pelajar perubatan UMS, 'Business Talk' daripada Avon dan 'Skin Care Training' secara percuma juga dijalankan bagi memeriahkan program empat hari tersebut.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan bukan sahaja memberi peluang kepada kelab malahan juga kepada seluruh warga UMS.

Kebanyakan aktiviti yang dijalankan adalah berunsur

keusahawanan bagi memupuk sikap keusahawanan dalam diri pelajar dan memberikan peluang kepada pelajar sekiranya berminat untuk melibatkan diri dalam perniagaan.


Sesuai dengan moto PERMAPS iaitu 'KeArah Mahasiswa Versatil' pihak PERMAPS khususnya berharap agar ahli jawatankuasa Program Bazaria FPP juga mendapat impak positif daripada program ini.

Dekan FPP Prof. Dr. Ismail bin Hj. Ibrahim turut hadir melawat gerai seterusnya merasmikan Program Bazaria FPP 4.0 ini.

Perasmian ini disaksikan Dr. Soon A/L Bikar Singh selaku Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni yang juga penyelaras persatuan PERMAPS dan saudari Cristine Binti Baumin sebagai pengarah program tahun ini.

Pihak PERMAPS sendiri ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr. Soon Singh A/L Bikar Singh kerana menjadi penaja Bazaria FPP tahun ini.

Selain itu, penganjur turut berterima kasih kepada Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Dr. Yeap Boon Tat kerana menghantar beberapa pelajar dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan bagi slot pemeriksaan kesihatan, Sir Ben Anak Melai yang membawa kumpulan band setiap hari bagi membuat pertunjukan 'live band' dan wakil Elken RSM Ryan Yapp yang turut turun padang memenuhi pengisian program Bazaria FPP.



**MELAWAT GERAI:** Cristine Binti Baumin mengiringi Dekan dan Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni FPP untuk membuat lawatan gerai ke gerai.



**GUNTINGREBEN:** Sesi menggunting reben menandakan perasmian Program Bazaria FPP 4.0.



**RASMI:** Dekan FPP Prof. Dr. Ismail bin Hj. Ibrahim menandatangani gimik perasmian.



**HIBURAN:** Persembahan Live band daripada kumpulan Sir Ben Anak Melai.